

**PANDUAN MENGISI BORANG PENCALONAN BAGI PENGANUGERAHAN DARJAH,  
BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA TAHUN 2023**

**PENTING**

1. Sila isikan maklumat lengkap seperti maklumat peribadi calon, sumbangan dan aktiviti calon. Calon hendaklah **memuatnaik Gambar berukuran pasport** dan salinan **Kad Pengenalan / Passport bahagian depan dan belakang ke dalam sistem epingat.**

2. **Borang yang lengkap hendaklah dicetak dan dihantar ke pentadbiran ini di alamat berikut:**

**URUS SETIA PENGURUSAN  
DARJAH, BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA  
KOMPLEKS SERI NEGERI  
HANG TUAH JAYA  
75450 AYER KEROH  
MELAKA**

3. Sila pastikan maklumat pencadang dilengkapkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Panduan Pencalonan seperti di **Lampiran B.**

4. Pencalonan hendaklah dibuat melalui pautan <https://epingat.melaka.gov.my> sahaja ataupun borang yang boleh didapati di Portal berkenaan.

5. Panduan mengisi borang pencalonan juga boleh dirujuk **Manual Pengguna, Sistem Darjah Kebesaran Negeri Melaka** yang boleh dicapai melalui pautan <https://epingat.melaka.gov.my>.

6. Seseorang yang dicalonkan hendaklah dipastikan **mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.** Calon juga **tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Kanun Keseksaan atau Akta Jenayah lain, tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan tidak terlibat di bawah Akta Kebankrapan. (Urusan tapisan keutuhan di bawah tanggungjawab urus setia)**

7. Pencadang hendaklah memastikan bahawa individu yang dicalonkan **belum dikurniakan** dengan Penganugerahan Darjah, Bintang Dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka yang dicadangkan.

8. Borang Pencalonan yang telah dicetak dan disahkan oleh pencadang hendaklah dihantar **sebelum 30 Jun 2023 (Jumaat), Borang tidak lengkap dan tidak mematuhi peraturan tidak akan dipertimbangkan.** Sebarang surat-menyurat selepas tarikh tutup tidak akan di pertimbangkan.

9. Bagi darjah, bintang dan lain bergelar, umur penerima hendaklah melebihi 40 tahun.

**PANDUAN PENCALONAN DAN PENGANUGERAHAN DARJAH, BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA**

**1. PANDUAN PENCALONAN**

**1.1 Anggota Perkhidmatan Awam**

- i) Pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah Kategori Perkhidmatan Awam hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** masing-masing.
- ii) Kementerian hendaklah memastikan calon-calon yang dikemukakan **bersih daripada sebarang rekod tindakan disiplin dan tatatertib** dan benar-benar layak untuk dipertimbangkan.
- iii) Pencalonan bagi **Perkhidmatan Gunasama**
  - **Peringkat negeri :**  
Pencalonan hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan di peringkat negeri dan sokongan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan
  - **Peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan:**  
Pencalonan hendaklah dibuat oleh Pegawai yang tarafnya tidak rendah daripada Setiausaha Bahagian/Pengarah Bahagian atau setaraf denganya dan disokong oleh Ketua Perkhidmatan sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan
- iv) Telah berkhidmat di Negeri Melaka tidak kurang daripada lima (5) tahun. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu calon yang kurang daripada lima (5) tahun boleh dipertimbangkan.

(Pertimbangan semula tempoh penganugerahan adalah selepas 3 tahun bagi calon yang ada menerima pingat selain pingat yang dipohon)

## **1.2 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) / Badan Sukarela**

- i) Calon telah memegang jawatan / menjadi ahli tidak kurang daripada 3 tahun dan telah menyumbang bakti kepada masyarakat.
- ii) Individu yang merupakan pegawai atau kakitangan Awam/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun dan dicalonkan di bawah kategori ini **Wajib** mendapatkan sokongan daripada Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu.

(Pertimbangan semula tempoh penganugerahan adalah selepas 3 tahun bagi calon yang ada menerima pingat selain pingat yang dipohon)

## **1.3 Ahli Korporat / Swasta**

Pencalonan daripada pihak swasta atau korporat hendaklah dibuat melalui Ketua Organisasi/Syarikat masing-masing dengan sokongan serta persetujuan Ketua Eksekutif atau Ketua Pegawai Operasi yang mana berkenaan.

(Pertimbangan semula tempoh penganugerahan adalah selepas 3 tahun bagi calon yang ada menerima pingat selain pingat yang dipohon)

## **1.4. Politik**

Pencalonan di kalangan anggota Parti Politik hendaklah diluluskan oleh Presiden Parti atau Ketua Parti di peringkat Negeri Melaka. Ketua Parti di Negeri boleh memperakukan kepada Kerajaan Negeri pencalonan oleh Presiden Parti di peringkat Persekutuan.

Pencalonan dari kalangan anggota parti politik hendaklah disokong oleh Ketua Pengerusi Parti mengikut negeri dan diluluskan oleh Ketua Perhubungan Negeri.

## **2. PANDUAN PENGANUGERAHAN**

**Nota** : Penerima Anugerah DGSM, DCSM, DMSM dan DPSM hendaklah berumur 40 tahun ke atas.

### **2.1 DARJAH GEMILANG SERI MELAKA (D.G.S.M.)**

Anugerah ini dikhaskan kepada YAB Ketua Menteri dan untuk dikurniakan kepada Ketua-Ketua Menteri / Menteri-Menteri Besar, Menteri-Menteri, Ketua Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, EXCO Kerajaan Negeri Melaka, Duta-Duta Besar dan lain-lain yang setaraf.

### **2.2 DARJAH CEMERLANG SERI MELAKA (D.C.S.M.)**

Dianugerahkan kepada Ketua Perkhidmatan Negeri dan Persekutuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri, Ahli Korporat dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji di peringkat Negeri atau Persekutuan.

### **2.3 DARJAH MULIA SERI MELAKA (D.M.S.M.)**

Dianugerahkan kepada kepada Ahli-Ahli Ex-Officio Negeri Melaka, Ahli - Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan Tertinggi Negeri dan Persekutuan, Ahli Korporat, Ahli Politik dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji di peringkat Negeri atau Persekutuan.

### **2.4 DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M)**

Dianugerahkan kepada Ketua Jabatan Kanan Negeri dan Persekutuan dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji kepada Negeri Melaka.

### **2.5 DARJAH SERI MELAKA (D.S.M.)**

Dianugerahkan kepada Pegawai Tertinggi Kerajaan dan orang perseorangan yang telah memberi perkhidmatan dan bakti terpuji kepada Negeri Melaka.

### **2.6 BINTANG CEMERLANG MELAKA (B.C.M.)**

Dianugerahkan kepada Pegawai Kanan Kerajaan dan orang perseorangan yang telah berbakti dan memberi perkhidmatan yang baik kepada Negeri Melaka.

## **2.7 BINTANG KHIDMAT TERPUJI (B.K.T.)**

Dianugerahkan kepada Pegawai Kerajaan dan orang perseorangan yang mempunyai sikap taat setia dan tata kelakuan yang terpuji.

## **2.8 PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)**

Dianugerahkan kepada orang perseorangan yang berbakti dan berkhidmat dengan dedikasi dan bertanggungjawab kepada Negeri Melaka.

## **2.9 PINGAT BAKTI MASYARAKAT (P.B.M.)**

Anugerahkan ini adalah atas asas-asas yang sama seperti PJK tetapi yang membezakannya hanyalah sumbangan tersebut adalah lebih di peringkat daerah, mukim atau kampung masing-masing. Anggota Perkhidmatan Awam adalah dari kalangan mereka yang berjawatan dalam Kumpulan Pelaksana II. Selepas menerima PBM untuk tiga (3) tahun mereka bolehlah dianugerahkan pula PJK.

## **2.10 PINGAT KHIDMAT LAMA (P.K.L.)**

Dianugerahkan kepada orang perseorangan dan anggota perkhidmatan awam yang telah berkhidmat dengan baik selama tidak kurang daripada 25 tahun di Negeri Melaka, serta mempunyai tingkah laku dan budi pekerti yang mulia.

**URUS SETIA PENGURUSAN  
DARJAH, BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA (DBPKNM)  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA**